

**Musa Mahu Rakyat Sabah Terus Bersama Kerajaan Kekalkan Kestabilan Politik,
Kemakmuran Ekonomi**
Bernama
10 Disember, 2012

KOTA KINABALU, 10 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman menyeru rakyat Sabah supaya terus bersama-sama dengan kerajaan dalam memastikan kestabilan politik, kemakmuran sosial dan ekonomi.

Beliau berkata ini penting bagi memastikan kepentingan rakyat terus terpelihara dan ditingkatkan demi manfaat bersama.

"Apa yang penting, kerjasama dan sokongan rakyat akan menyumbang kejayaan kepada segala dasar dan program yang sedang kita laksanakan di seluruh negeri untuk kesejahteraan kita dan generasi yang akan datang," katanya dalam ucapan perasmian sempena 'Gaya Christmas Celebration 2012' anjuran bersama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Sabah Council of Churches di Lintasan Deasoka, di sini Isnin malam.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Yee Moh Chai.

Musa berkata rakyat di negeri ini bertuah kerana dapat hidup dalam masyarakat pelbagai kaum dan agama dengan aman, sejahtera dan harmoni.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=715297>